

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [ SUBANG ]**

**TARIKH : 26.05.2016**

**SOALAN : 141**

Tuan R. Sivarasa [ Subang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah sempurnakan siasatan sama ada Perdana Menteri, YAB. Datuk Seri Najib Tun Razak telah menerima wang dalam akaun-akaun peribadi.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Keputusan kes ini telah dibentangkan kepada Panel Penilaian Operasi (PPO) setelah Peguam Negara membuat keputusan. PPO telah mengambil maklum keputusan berkenaan dan telah menasihatkan SPRM supaya 'engage' dengan pihak Jabatan Peguam Negara berkaitan keputusan berkenaan.

Kerta siasatan berkenaan telah selesai diedarkan kepada Pejabat Peguam Negara dan juga Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM untuk keputusan.

Sekian, terima kasih.